

# Sokong aspirasi Malaysia jadi hab penerbangan Asia

BERITA HARIAN

6 JUL 2025

m/s: 3

**Paris:** Pemeteraian perjanjian pembelian pesawat A321XLR di antara AirAsia dan Airbus akan mengukuhkan lagi keupayaan operasi syarikat penerbangan berkenaan bagi laluan jarak dekat dan sederhana.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata perolehan ini bukan sahaja memperluas rangkaian penerbangan, malah menyokong aspirasi Malaysia untuk muncul sebagai hab penerbangan utama di rantau Asia.

Anwar berkata demikian selepas menyaksikan pemeteraian perjanjian berkenaan di sini, kelmarin.

AirAsia menandatangani perjanjian untuk membeli pesawat jarak jauh Airbus 321XLR bernilai AS\$12.25 bilion (RM51.72 bilion) dengan serahan disahkan pada 2028.

Syarikat penerbangan tambang rendah itu memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Airbus di Paris, kelma-

rin, untuk 50 pesawat A321XLR dengan hak untuk 20 A321XLR, kumpulan pesawat baharu yang disasarkan untuk beroperasi antara lain ke Asia Tengah, Asia Barat dan Eropah.

Perdana Menteri turut menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman antara 3P Capital Adviser dan Ardian, syarikat pelaburan persendirian terkemuka dari Perancis dalam usaha meneroka peluang pelaburan dalam pasaran persendirian.

Katanya, inisiatif sektor swasta ini mampu membuka akses lebih luas kepada rakyat Malaysia terhadap pelaburan alternatif.

Dalam pertemuan bersama Imerys, syarikat pemproses mineral industri yang bertapak di Malaysia selama lebih 25 tahun, Anwar berkata, beliau dimaklumkan mengenai komitmen syarikat itu untuk memperluas operasi dan menyokong pembangunan sektor pembuatan bernilai tinggi dan mesra alam di negara ini.

Selain itu, Anwar turut mengadakan pertemuan dengan pimpinan Arkema, peneraju global dalam bidang kimia khas yang sedang menilai potensi pelaburan baharu di Malaysia.

Beliau berkata, syarikat itu berupaya mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi, mempercepat pemindahan teknologi dan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab utama bioekonomi di rantau Asia.

BERNAMA